

Dari Barisan Ke Perikatan: Politik, Parti, dan Pengundi Melayu dalam Pilihan Raya Umum 2022

From Barisan To Perikatan: Politics, Parties, and The Malay Electorate In The 2022 General Election

ARIFF AIZUDDIN AZLAN^{1*}, MUHAMAD NADZRI MOHAMED NOOR²

¹Fakulti Sains Pentadbiran dan Pengajian Polisi, Universiti Teknologi Mara (UiTM),
Cawangan Negeri Sembilan, Kampus Seremban 3, Persiaran Seremban Tiga 1,
Seremban 3, 70300 Seremban, Negeri Sembilan, Malaysia

²Pusat Kajian Sejarah, Politik dan Hal Ehwal Antarabangsa, Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan,
Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600 Bangi, Selangor, Malaysia

Corresponding author: ariffaizuddin@uitm.edu.my

Received: 1 April 2023 Accepted: 29 May 2023

Abstrak

Sejak Pilihan Raya Umum (PRU) 2008, Barisan Nasional (BN) mengalami kejatuhan mendadak dalam sokongan pengundi – khususnya di kawasan-kawasan bandar dan generasi muda, termasuk dalam kalangan etnik Melayu. Akibatnya, kerajaan BN tumbang pada PRU 2018 sebelum kembali ke pentadbiran persekutuan pada Mac 2020 (pentadbiran Muhyiddin Yassin) dan Ogos 2021 (pentadbiran Ismail Sabri) dengan kerjasama bersama Perikatan Nasional (PN). Pada PRU 2022 yang diadakan pada November, dengan keyakinan tinggi Pengerusi BN Ahmad Zahid Hamidi dalam pilihan raya itu, BN telah digerakkannya untuk bertanding secara berasingan daripada PN menyebabkan persaingan pelbagai penjurong berlaku yang menyaksikan tentangan hebat dari PN dan Pakatan Harapan (PH). Keyakinan Ahmad Zahid ada asasnya. Pada lewat 2021, sebuah Pilihan Raya Negeri (PRN) diadakan di Melaka, sebelum sebuah lagi PRN diadakan di Johor pada Mac 2022. BN kembali memenangi kedua-dua negeri itu yang dirampas PH dalam PRU 2018, menerusi persaingan tiga penjurong, dengan mencatatkan kemenangan besar. Sebaliknya, prestasi BN terus merosot dalam PRU 2022, dengan hanya memenangi 30 kerusi parlimen, berbanding 79 kerusi pada PRU 2018, daripada keseluruhan 222 kerusi. Berasaskan kajian lapangan dan sumber sekunder, artikel ini membuat tinjauan ke atas persaingan politik Melayu dalam PRU 2022, melibatkan isu dan strategi berkempen parti-parti utama yang bersaing, sebelum menganalisis faktor-faktor yang membentuk dan mengubah pola pengundian Melayu di dalam pilihan raya itu.

Kata kunci: Barisan Nasional; Pakatan Harapan; Perikatan Nasional; Pilihan Raya Umum 2022; Politik Melayu

Abstract

Since the 2008 General Election (GE), Barisan Nasional (BN) has experienced a steady decline – particularly among the urban voters and the youth, including the Malays. Accordingly, the BN government fell in the 2018 GE before returning to Putrajaya in March 2020 (in the Muhyiddin Yassin administration) and in August 2021 (the Ismail Sabri administration) through a political pact with the National Alliance (PN). In the 2022 GE, scheduled in November, the BN Chairperson Ahmad Zahid Hamidi decided for the BN to go solo in the election and caused an intense multi-cornered

fight throughout the country. Ahmad Zahid's confidence, however, was not without basis. In late 2021, a state election took place in Melaka, before another state election in Johor in March 2022. The BN went alone in these elections and recaptured both of the states from the Pakatan Harapan (PH). Surprisingly, BN recorded poor performance in the 2022 GE, winning only 30 parliamentary constituencies, in contrast to 79 seats in the 2018 GE, out of the total of 222 seats. Based on field research and secondary sources, this article analyses the competition for the Malay vote in the 2022 GE, involving issues and campaigning strategies among the main parties/coalitions, by exploring the factors that shape and change Malay voting patterns in the election.

Keywords: Barisan Nasional; Pakatan Harapan; Perikatan Nasional; the 2022 General Election; Malay Politics

Pengenalan

Kejatuhan parti dominan autoritarian Barisan Nasional (BN) di dalam Pilihan Raya Umum ke-14 (PRU14) yang diadakan pada Mei 2018 telah dihujahkan sebagai satu petanda awal kematangan politik tempatan untuk menerima perubahan baharu yang dikenali sebagai proses pendemokrasian. Kejatuhan BN itu sememangnya sudah boleh dijangka apabila parti gabungan yang diketuai oleh United Malays National Organisation (UMNO) mengalami kemerosotan sokongan dalam PRU 2008 dan PRU 2013.

Sarjana seperti Carothers melihat fenomena peralihan kuasa ini sebagai satu proses pendemokrasian yang melibatkan tiga fasa yang berbeza. Pertama ialah fasa pembukaan di mana parti dominan BN gagal untuk mencatatkan prestasi yang baik di dalam pilihan raya sehinggakan parti pembangkang berjaya membentuk sebuah blok kepembangkangan yang kuat dari sudut prestasi pilihan raya. Keduanya adalah fasa penerobosan di mana BN berjaya dinafikan kuasa di peringkat persekutuan di dalam PRU14. Ini menunjukkan bahawa walaupun pilihan raya di Malaysia ini dikategorikan sebagai autoritarianisme elektoral, namun kejatuhan BN memperlihatkan potensi institusi itu dalam melandaskan perubahan. Manakala yang ketiga ialah fasa pengukuhan di mana fasa ini merupakan satu proses yang panjang dan perlahan.¹ Pelbagai bentuk dan jenis ujian kestabilan politik tertumpu di fasa ini.

Walaupun bagaimanapun, dihujahkan bahawa rejim baharu Pakatan Harapan (PH) dilihat tidak berjaya untuk mengukuhkan kedudukan politik mereka seawal dua tahun pertama pemerintahan mereka. Dengan menggunakan naratif perkauman dan agama, UMNO dilihat serasi bersama Parti Islam Se-Malaysia (PAS) dalam usaha untuk menjatuhkan kredibiliti PH khasnya dengan mempertikaikan keabsahan rejim itu dari sudut politik tradisi dan budaya. Akibatnya, kerajaan PH tumbang pada Februari 2020, dan BN kembali ke pentadbiran persekutuan pada Mac 2020 (pentadbiran Muhyiddin Yassin) dan Ogos 2021 (pentadbiran Ismail Sabri) dengan kerjasama bersama Perikatan Nasional (PN).

Dalam PRU 2022 yang diadakan pada November, dengan keyakinan tinggi Pengerusi BN Ahmad Zahid Hamidi dalam pilihan raya itu, BN telah digerakkannya untuk bertanding secara berasingan daripada PN menyebabkan persaingan pelbagai penjuror berlaku dengan tentangan hebat dari Pakatan Harapan (PH). Keyakinan Ahmad Zahid ada dasarnya. Pada lewat 2021, sebuah Pilihan Raya Negeri (PRN) diadakan di Melaka, sebelum sebuah lagi PRN diadakan di Johor pada Mac 2022. BN kembali memenangi kedua-dua negeri itu setelah yang dirampas PH pada PRU 2018, menerusi persaingan tiga penjuror dengan kemenangan besar. Sebaliknya, prestasi BN terus merosot dalam PRU 2022, dengan hanya memenangi 30 kerusi parlimen, berbanding 79 kerusi pada PRU 2018, daripada keseluruhan 222 kerusi. Berasaskan kajian lapangan dan sumber sekunder, artikel ini membuat

tinjauan ke atas persaingan politik Melayu dalam PRU 2022, melibatkan isu dan strategi berkempen parti-parti Melayu utama yang bersaing sebelum menganalisis faktor-faktor yang membentuk dan mengubah pola pengundian Melayu dalam pilihan raya itu.

Kerangka Teoritik

Rejim autoritarian bukanlah satu fenomena yang asing dan malah kajian ke atasnya mendapat liputan yang meluas dalam kalangan sarjana politik perbandingan dan perubahan rejim. Dari sudut sistem politik, autoritarianisme bersifat tertutup dalam hal yang berkaitan dengan keterbukaan politik dan sivil berbanding sistem demokratik. Walaubagaimanapun sistem autoritarianisme mempunyai variasi tertentu dan pengolahan kuasa yang tidak dipusatkan sepenuhnya seperti yang berlaku di negara totalitarianisme seperti Korea Utara. Pilihan raya masih lagi dijalankan walaupun sistem pemilihan tersebut tidak berfungsi sepenuhnya mengikut piawaian demokratik secara umum. Malah, pilihan raya menjadi instrumen utama bagi parti dominan United Malays National Organisation (UMNO) dan gabungannya Barisan Nasional (BN) untuk mengekalkan posisi dari 1955 ke 2018 di Malaysia.

Namun, kejatuhan BN dalam PRU 2018 turut menandakan pengakhiran sistem parti dominan di Malaysia. Elit-elit BN berpecah dan ada yang berdiaspora di dalam pelbagai wadah baharu.² Meskipun ramai yang kekal di dalam UMNO/BN, namun sebahagian yang lain meninggalkan UMNO dengan membuka parti baharu seperti Parti Pribumi Bersatu Malaysia (BERSATU) atau menyertai parti pembangkang. Artikel ini melihat dekad terakhir kemerosotan kuasa BN iaitu dari PRU 2008 ke PRU 2018, boleh dianggap secara longgar sebagai sebuah era transisi yang demokratik, iaitu dari sistem satu parti dominan, kepada sistem pelbagai parti. Bagi Loxton, parti dan elit daripada bekas parti autoritarian yang bertahan (*survive*) semasa dan selepas tempoh transisi demokrasi boleh dianggap sebagai parti legasi autoritarian (*authoritarian successor parties* - ASP).

Loxton mendefinisikan ASP sebagai pemain politik baharu di dalam konteks pasca-autoritarian dan parti ini juga meraih sokongan popular di kalangan orang ramai.³ Malah dihujahkan juga bahawa pendekatan khusus melibatkan strategi berbentuk autoritarianisme juga diwarisi secara tidak langsung oleh parti berasaskan ASP ini dan ia beroperasi setelah berlakunya proses peralihan kuasa dari autoritarian kepada demokrasi. Di dalam konteks Malaysia, parti BERSATU dikategorikan sebagai ASP di atas beberapa faktor. Pertama, sebahagian besar ahli BERSATU adalah berasal daripada UMNO. Kekalahan BN di dalam PRU 2018 telah mengakibatkan sebahagian ahli meninggalkan parti itu dan menyertai BERSATU dan malah ia juga ditubuhkan sebagai tanda protes ke atas UMNO yang dilihat memusatkan kuasa politik secara besar-besaran di bawah pemerintahan bekas perdana menteri Najib Razak. Kedua, BERSATU juga mewarisi ideologi asas seperti ketuanan Melayu daripada UMNO dan ia dijadikan sebagai penggerak utama mobilisasi kepartian. Ketiga, *Langkah Sheraton* yang berlaku pada hujung Februari 2020 yang dicetuskan oleh BERSATU dan beberapa ahli parlimen Parti Keadilan Rakyat (PKR) yang lain sehingga tumbangannya kerajaan PH apabila kehilangan majoriti di dalam parlimen menguatkan lagi penghujahan sarjana bahawa ASP ini diklasifikasikan sebagai 'ancaman' yang berpotensi di dalam kerangka demokrasi. Keempat, BERSATU membentuk kerajaan Perikatan Nasional (PN) pada pasca-Sheraton bersama-sama dengan dengan gabungan lain seperti PAS, BN-UMNO, beberapa ahli PKR yang berpaling tadah dan lain-lain lagi tanpa melalui proses pilihan raya. Melalui mandat secara langsung yang diperolehi daripada Yang Di-Pertuan Agong (YDPA), maka Muhyiddin Yassin daripada BERSATU telah dilantik sebagai Perdana Menteri Kelapan.

Kejayaan BERSATU mengolah jajaran kuasa baharu ini dilihat selari dengan andaian bahawa parti berteraskan ASP ini tidak lagi berpandukan kepada 'menu manipulasi' yang bersifat keras seperti paksaan, penipuan, dan penyalahgunaan kuasa. Dengan hanya bertindak keluar dari

gabungan yang ditubuhkan sebelum PRU 2018 dan berpakat dengan beberapa parti yang mempunyai jumlah kerusi parlimen yang signifikan maka telah menjadikan strategi autoritarian bersifat keras itu tidak lagi relevan. Sewaktu peralihan kuasa ini berlaku, negara menyaksikan kedatangan pandemik global Covid-19 yang telah meragut jutaan nyawa dan akhirnya dijadikan sebagai satu justifikasi oleh kerajaan pimpinan Muhyiddin untuk mengenakan peraturan perintah kawalan pergerakan (PKP) di seluruh negara pada ketika itu.

Seperti yang diujahkan oleh Nadzri, fenomena tersebut sekaligus menjadikan demokrasi berundur ke belakang dan kembalinya pemerintahan autoritarianisme di dalam bentuk rejim baharu PN yang beroperasi di dalam kerangka pandemik Covid-19.⁴ Untuk mengekalkan cengkaman ke atas koridor kuasa, Muhyiddin bertindak dengan mengaplikasikan pendekatan seperti ko-optasi, pendominasian parlimen, pemusatan kuasa, dan kawalan politik.⁵ Sebagai produk ASP, BERSATU merasionalisasikan tindakan mereka di atas nama penyatuan Melayu dan Islam yang dilihat sebagai indikator kelangsungan yang utuh untuk meraih sokongan akar umbi yang terdiri daripada orang Melayu. Tidak ketinggalan juga bahawa Muhyiddin berjaya mengolah sebuah imej yang popular di kalangan orang ramai apabila beliau meluluskan peruntukan berbilion ringgit sebagai pakej bantuan yang disalurkan kepada mereka yang terjejas teruk akibat daripada pandemik Covid-19. Hal ini selaras dengan corak umum implikasi pandemik kepada dalam kemerosotan kualiti demokrasi di pelbagai negara lain di dunia khususnya dalam kalangan rejim-rejim hibrid.

Keputusan Pilihan Raya Umum 2022

PRU ke-15 diadakan pada 19 November 2022 di dalam suasana ketidakstabilan politik yang sedang memuncak. Apabila Muhyiddin didesak untuk diturunkan dan digantikan dengan Ismail Sabri dari UMNO sebagai Perdana Menteri Kesembilan, ia memberikan gambaran majoriti PN/BN yang lemah di parlimen. Tambahan pula sentimen penerimaan ke atas UMNO/BN yang dilihat semakin meningkat susulan daripada pilihan raya negeri (PRN) Melaka dan Johor yang diadakan pada November 2021 dan Mac 2022 yang menyaksikan parti itu memenangi majoriti besar dua pertiga setelah tewas dalam PRU 2018. Pergelutan dalaman yang berlaku di dalam UMNO juga mempercepatkan lagi proses pilihan raya apabila Presiden UMNO Ahmad Zahid Hamidi dilihat menekan Ismail untuk menyegerakan PRU15 dengan mengambil kira sentimen PRN Melaka dan Johor dan juga sebagai langkah untuk memperbaharui mandat dan menepis persepsi orang ramai yang mengatakan bahawa kerajaan sedia ada merupakan kerajaan 'pintu belakang'. Ismail akhirnya mengisytiharkan pembubaran parlimen pada Oktober 2022, setelah didesak berulang kali oleh kepimpinan UMNO, yang turut melibatkan pembubaran Dewan Undangan Negeri (DUN) di Pahang, Perak, dan Perlis, manakala negeri-negeri lain memilih untuk kekal sehingga habis penggal.

Jadual 1: Keputusan PRU 15 di Malaysia (Parlimen)

Parti Bertanding	Parlimen	
	Kerusi Ditandingi	Kerusi Dimenangi
Pakatan Harapan (PH)	220	82
Perikatan Nasional (PN)	171	74
Barisan Nasional (BN)	178	30
Gabungan Parti Sarawak (GPS)	31	23
Gabungan Rakyat Sabah (GRS)	13	6
Parti Warisan Sabah (WARISAN)	52	3
Lain-Lain/Calon Bebas	120	4
JUMLAH	785	222

Sumber: Suruhanjaya Pilihan Raya (2022).

Keputusan PRU 2022 secara umumnya telah dijangka oleh pemerhati-pemerhati politik di mana akan berlaku situasi parlimen tergantung kerana perpecahan besar sistem kepartian Malaysia (*hyper-fragmentation*). Dari sudut persaingan pilihan raya, Pakatan Harapan (PH) dilihat mendahului dengan memperolehi sebanyak 82 kerusi. Perikatan Nasional (PN) pula berjaya mencatatkan prestasi yang baik dengan memenangi sebanyak 74 kerusi. Manakala, Barisan Nasional (BN) pula hanya mampu meraih sebanyak 30 kerusi dan ini menjadikan parti dominan Melayu itu mengalami kekalahan yang paling teruk di dalam sejarah pembabitan mereka di dalam pilihan raya. Keputusan PRU15 itu menjelaskan perihal perpecahan yang serius di kalangan pengundi terutama sekali pengundi Melayu dan malah ia juga adalah satu isyarat penolakan yang jelas ke atas UMNO/BN. Keputusan untuk bergerak solo yang diputuskan oleh BN juga tidak berupaya untuk mengulangi pencapaian BN dalam PRN Melaka dan Johor.

Dalam kalangan pemimpin utama Melayu, hanya presiden PKR Anwar Ibrahim sahaja yang tidak mempertahankan kerusi asalnya. Dalam PRU 2022, beliau memilih untuk mencabar calon PN-BERSATU iaitu Ahmad Faizal Azumu dan berjaya mengalahkannya dengan majoriti 3,736 undi di Tambun, Perak. Keputusan Anwar untuk mencuba nasib di kerusi berikut dilihat membuahkan hasil. Di Bagan Datuk, Perak pula, presiden UMNO Ahmad Zahid berjaya mempertahankan kerusinya dengan majoriti tipis iaitu sebanyak 348 undi. Di Pagoh, Johor, Muhyiddin berjaya mencatatkan peratusan tinggi dengan memperolehi majoriti sebanyak 10,007 undi. Di Marang, Terengganu, presiden PAS Abdul Hadi Awang memperolehi kemenangan besar dengan meraih majoriti sebanyak 41,729 undi.

Sebagai sebuah gabungan baharu, ternyata PN memberikan saingan yang hebat kepada parti-parti lain. Dihujahkan bahawa persefahaman pilihan raya yang terbentuk di antara BERSATU dan PAS berjaya melakar satu alternatif baharu terutama sekali di kalangan pengundi Melayu. PAS mencatatkan prestasi yang sangat baik dalam PRU 2022 dengan meraih 49 kerusi parlimen berbanding 18 kerusi dalam PRU 2018. Di Pahang, PN memenangi sebanyak 7 daripada 14 kerusi yang dipertandingkan. Manakala di Kelantan, Terengganu, dan Perlis, kesemua kerusi yang dipertandingkan berjaya disapu bersih oleh PN. Di Kedah, sebanyak 14 daripada 15 kerusi telah dirampas oleh PN dan berbaki satu hanya dimenangi oleh PH. Di Perak pula, PN berjaya mengatasi BN dengan meraih sebanyak 10 kerusi. Di negeri-negeri lain, walaupun jumlah kerusi yang dimenangi oleh PN tidak begitu signifikan tetapi ia dilihat berpotensi untuk menafikan prestasi parti lawan. Selain itu, pendominasian BN cuma kekal di Negeri Sembilan dan Sabah sahaja. Jika di dalam PRN Johor, BN berjaya meraih kemenangan yang tinggi, tetapi di dalam PRU 2022 hanya 9 kerusi sahaja berjaya dimenangi berbanding PH dengan 14 kerusi.

Jadual 2: Keputusan PRU15 di Dewan Undangan Negeri (DUN)

Dewan Undangan Negeri (DUN)				
Negeri	Pakatan Harapan (PH)	Perikatan Nasional (PN)	Barisan Nasional (BN)	Jumlah Kerusi DUN
Pahang	8	17	17	42
Perak	24	26	9	59
Perlis	1	14	0	15
JUMLAH	33	57	26	116

Sumber: Suruhanjaya Pilihan Raya (2022).

Di peringkat DUN pula, PN mendominasi di Perlis dengan memenangi sebanyak 14 daripada 15 kerusi. Di Perak pula, PN turut merekodkan prestasi yang baik apabila berjaya merampas sebanyak 26 daripada 59 kerusi yang dipertandingkan. BN dan PH masing-masing memperolehi

sebanyak 24 dan 9 kerusi. PN juga mencatatkan keputusan baik di Pahang, bersama-sama BN di mana masing-masing memperolehi sebanyak 17 kerusi dan berbaki tujuh dimenangi oleh PH. Oleh itu, implikasi PRU15 ini mungkin berbeza jika ianya tidak melibatkan persaingan kepartian yang banyak. Walaubagaimanapun, kedudukan PH dan BN pada kali ini dilihat agak kritikal. Jika di dalam PRU 2018, BERSATU berjaya menarik keluar undi Melayu (BN) kepada PH namun senario pada kali ini berbeza. Mobilisasi jentera PH bergantung sepenuhnya kepada persona Anwar Ibrahim untuk menarik undi rentas kaum sebanyak mungkin, berbanding peranan golongan konservatif lama yang dimainkan oleh Bersatu kepada PH sebelum ini.

Manifesto PRU ke-15

Dalam PRU 2022, gabungan parti-parti politik yang bertanding telah mempertaruhkan idea dan cadangan mereka di dalam bentuk manifesto khusus yang telah disusun agar selari dengan tuntutan dan kehendak sosio-politik semasa. Meskipun manifesto-manifesto, di dalam amalan politik Malaysia, tidak selalunya mengikat pihak yang menang untuk melaksanakan janji-janji manifesto dengan tuntas, namun ia terus digunapakai dalam menarik perhatian pengundi dengan bayangan perancangan pemerintahan pasca-pilihan raya.

Pakatan Harapan (PH) membuka gelanggang dengan memperkenalkan manifesto mereka bertemakan “Kita Boleh: Tawaran Harapan PRU15” setebal 98 muka surat. Di dalam manifesto tersebut, terdapat 10 teras utama seperti menangani isu kos sara hidup, memerangi rasuah, memperkasakan ekonomi golongan belia, menumpukan generasi tercicir dalam pendidikan, membina ketahanan bencana, menangani isu doktor kontrak, menangani isu ketaksamaan gender dan pemerksaan wanita, pemerksaan wilayah Sabah dan Sarawak, meningkatkan daya saing rakyat Malaysia, dan pemeliharaan khazanah alam.⁶ Di dalam konteks persaingan pada kali ini, PH dilihat berhati-hati dalam usaha untuk mengengahkan tawaran mereka dan malah Angkatan Muda Pakatan Harapan juga berhujah bahawa pada kali ini, manifesto PRU 2022 yang diperkenalkan adalah ‘kitab suci’⁷ dan ia akan dikotakan sekiranya gabungan itu berjaya membentuk kerajaan. Malah, PH juga dilihat memberikan perhatian yang serius ke atas situasi kewangan negara semasa dan di atas sebab ini ia tidak mengulangi janji yang pernah dibuat sewaktu PRU14 iaitu mengenai pendidikan percuma. Keputusan yang diambil itu melihat kepada data dan maklumat kewangan semasa dan ini menjadikan pendekatan mereka bersifat realistik dalam usaha untuk memenangi hati pengundi.

Perikatan Nasional (PN) pula memperkenalkan manifesto yang bertemakan “PN Best: Prihatin, Bersih, dan Stabil” setebal 99 halaman. Dari sudut isi kandungan manifesto tersebut, terdapat sebanyak 12 tunjang, 30 pendekatan, dan 234 tawaran kepada pengundi.⁸ PN memberikan penekanan khusus kepada 12 tunjang utama iaitu membina ekonomi berdaya saing, meningkatkan taraf hidup rakyat, tadbir urus politik yang bersih, mensejahterakan semua kaum, pembangunan wilayah, melestarikan alam sekitar, pemerksaan belia, mengoptimumkan potensi wanita, tumpuan kepada warga emas, memperkasakan golongan kurang upaya, kebajikan peneroka FELDA, dan tumpuan ke atas petani, penternak, nelayan, dan pekebun kecil. Manifesto tersebut dilihat tersusun mengikut konteks kemasyarakatan semasa dan bersifat inklusif dengan mengambil kira semua aspek sosio-ekonomi. Selain itu, PN juga memuatkan janji seperti pengurangan bayaran pinjaman pendidikan dan sejuta peluang pekerjaan. Disebabkan PRU 2022 ini merupakan medan percubaan pertama PN, maka tidak hairan bahawa manifesto mereka dilihat begitu menyakinkan umum terutamanya dalam kalangan pengundi Melayu.

Barisan Nasional (BN) pula melancarkan manifesto bertemakan “Kestabilan dan Kemakmuran: Perancangan Amal dan Usaha (PADU)” berhalaman setebal 48 muka surat.⁹ Berbanding dengan manifesto PH dan PN, dokumen dihasilkan oleh BN ini dilihat ringkas dan memberikan tumpuan

kepada isu kos sara hidup, politik progresif, penguatan semangat persekutuan, kualiti kesihatan, pengajian tinggi, golongan belia dan muda, kecukupan makanan, pelaburan asing, dasar berasaskan keperluan, pemerksaan wanita, penumpuan luar bandar, pemeliharaan alam sekitar, dan hubungan antarabangsa. Sebelum parlimen dibubarkan, perdana menteri Ismail Sabri sempat membentangkan belanjawan negara 2023 tetapi ia tidak dapat dibahaskan dan dipersetujui bagi memberikan laluan kepada PRU15. Ini memberikan kelebihan kepada BN kerana gabungan itu sudah memperkenalkan perancangan bagi pembangunan dan pentadbiran di dalam bentuk bajet yang lebih menyeluruh. Pengerusi BN Ahmad Zahid Hamidi juga menyatakan bahawa, walaupun tidak tersenarai di dalam manifesto BN, tiga jawatan timbalan perdana menteri (TPM) akan diwujudkan bagi mewakili Semenanjung, Sabah, dan Sarawak sekiranya diberikan mandat untuk memerintah.

Dari sudut intipati manifesto, semua gabungan politik meletakkan komitmen ekonomi di tangga paling atas. Ini menampakkan lagi keseriusan mereka untuk menangani hal-hal yang berkaitan dengan ketidakstabilan ekonomi akibat daripada pandemik global Covid-19. Oleh itu, jangkaan sebahagian besar pengundi ke atas prestasi dan kebolehan parti yang bertanding untuk menyelesaikan segala masalah adalah sangat tinggi.

Corak Pengundian dan ‘Kerusi Panas’

Langkah Sheraton yang berlaku pada lewat Februari 2020 telah memperdalamkan perpecahan politik khususnya dalam konteks politik Melayu. Apabila BERSATU meninggalkan PH dan memilih untuk berpakat bersama BN, PAS, dan beberapa gabungan lain untuk membentuk kerajaan tanpa melalui proses pilihan raya, politik nasional mula diselubungi dengan pelbagai ketidakpastian meliputi politik, sosial, dan ekonomi. BN dan PH (BERSATU dan PAS) memilih untuk bersaing sesama sendiri walaupun mereka adalah sebahagian daripada kerajaan di peringkat persekutuan di dalam PRN Sabah 2020, PRN Melaka 2021 dan PRN Johor 2022. Apabila BN berjaya melakar kemenangan bergaya dengan mencatatkan kemenangan lebih daripada dua pertiga majoriti di Melaka dan Johor dengan menafikan prestasi PH dan PH, suhu politik menjadi semakin hangat. BN beranggapan bahawa tidak mustahil mereka boleh menguasai kerajaan persekutuan di dalam PRU15 tanpa perlu bekerja sama dengan mana-mana gabungan. Namun corak pengundian BN di dalam PRU 2022 merosot dan tidak ternampak apa-apa tanda bahawa gabungan itu boleh kembali dominan semula.

Dalam erti kata lain, perpecahan elit sebelum PRU14 apabila beberapa figura besar dipecat daripada UMNO dan menubuhkan alternatif baharu iaitu BERSATU telah memberikan satu implikasi yang kritikal terhadap trend sokongan terutama sekali penyokong akar umbi UMNO. Dengan meletakkan Mahathir sebagai tonggak utama di dalam BERSATU pada ketika itu telah berjaya menarik sejumlah pengundi UMNO beralih kepada PH. Kesan dari mobilisasi kempen yang diperhebatkan oleh Mahathir dan beberapa pemimpin PH yang lain telah berjaya menumbangkan BN dengan memenangi sebanyak 121 kerusi parlimen dan BN pula disusutkan sebanyak 79 kerusi. Ini adalah satu pencapaian baharu yang tidak ada duluan sebelum ini dan kemenangan tersebut disumbangkan oleh faktor-faktor seperti penolakan yang jelas oleh rakyat terhadap kepimpinan perdana menteri Najib Tun Razak di mana ia melibatkan dasar-dasar yang bersifat menekan dan juga kekuatan parti pembangkang pada ketika itu yang berjaya menghasilkan kesepaduan politik dan kerjasama yang erat di kalangan mereka dan juga mobilisasi berkempen yang dilihat berfokus dan teratur.

Dengan ini, tidak hairan untuk diujahkan bahawa ‘tarikh luput’ BN itu semakin hampir jika faktor-faktor sebegini berjaya untuk diolah. Kesemua mereka yang dipecat daripada UMNO seperti Muhyiddin Yassin, Mukhriz Mahathir, dan Shafie Apdal dan beberapa figura yang lain telah memberikan satu signal yang jelas di mana mereka ini membawa keluar sekali penyokong dan pengundi mereka dari ruang lingkup UMNO. Di atas andaian sebegini, politik Melayu melalui satu

fasa perubahan yang kritikal. Jika sebelum ini, BN-UMNO kekal selesa dengan talian hayat mereka melalui undi Melayu namun pada kali ini senario itu berubah. Walaupun jumlah undi Melayu yang pergi kepada PH itu tidak begitu besar jika dibandingkan dengan apa yang diperolehi oleh UMNO dan PAS namun dengan kehadiran BERSATU, ia berjaya menggugat kedudukan UMNO. Pengundi Melayu, sama ada di bandar atau di luar bandar, mula berhijrah mencari alternatif lain.

Walaubagaimanapun, di dalam PRU15, trend pengundian mengalami perubahan yang mendadak. Menurut Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR), terdapat seramai 21,173,638 pengundi di dalam PRU15. Manakala separuh daripada jumlah itu adalah pengundi muda iaitu sebanyak 10.6 juta orang. Di dalam pilihan raya ini, komposisi gabungan parti politik yang bertanding berubah serta-merta dan tidak seperti di dalam PRU14. Jika di dalam PRU14, BERSATU memilih untuk bersama dengan PH dan cuba untuk menarik undi Melayu sebanyak mungkin namun konteks persaingan di dalam PRU15 ternyata berbeza sekali dengan parti itu memilih untuk bergerak bersama PAS di bawah jenama Perikatan Nasional (PN). Dari sudut BN pula, mereka kekal konsisten untuk tidak bersama dengan mana-mana gabungan dan PH pula mengekalkan status quo mereka dengan berkerja sama dengan Parti Ikatan Demokratik Malaysia (MUDA) yang diketuai oleh ahli parlimen Muar Syed Saddiq Syed Abdul Rahman.

Trend pengundian di dalam PRU15 pada kali ini bersifat kompleks di mana ia menghasilkan satu keputusan yang tidak memihak kepada mana-mana parti gabungan. Cuma bagi BN-UMNO, mereka mencatatkan kerugian yang banyak dengan memperolehi sebanyak 30 kerusi. Mereka juga kehilangan 28 kerusi dan tewas di beberapa kawasan parlimen seperti di Perlis, Terengganu, Kelantan, Pulau Pinang, Selangor, Kedah, dan Melaka. Selain itu, ahli parlimen UMNO paling lama di dalam sejarah iaitu Tengku Razaleigh Hamzah juga gugur di kubu kuat nya di Gua Musang kepada PN dengan hanya majoriti tipis sebanyak 163 undi. Prestasi PN pada kali ini memberikan cabaran dan halangan yang serius kepada UMNO dan juga PH. Sebahagian besar 'kerusi panas' (*hot seats*) yang dikategorikan oleh portal berita¹⁰ berjaya dikekalkan oleh PN. Untuk melihat trend pengundian secara umum, adalah penting untuk dinilai kerusi panas ini dengan lebih teliti. Takrifan kerusi panas ini adalah bergantung kepada kepada beberapa faktor. Ia boleh dikategorikan sedemikian jika kerusi tersebut ditandingi oleh calon yang terkenal seperti pemimpin parti, bekas menteri, dan sebagainya. Selain itu, kriteria seperti jumlah undian juga diterima pakai untuk melayakkannya sebagai kerusi panas. Jika sesuatu kerusi itu dimenangi dengan majoriti tipis atau kurang dari seribu undi maka ia layak digelar sebagai kerusi panas. Malah tumpuan orang ramai ke atas sesuatu kerusi tersebut juga tidak kurang dari kelayakannya untuk digelar sedemikian.

Seperti contoh, di Arau, Perlis, merupakan kubu kuat BN-UMNO sejak sekian lama namun selepas berlaku nya krisis dalaman kepartian sehigga menyebabkan penyandang nya Shahidan Kassim tidak lagi dicalonkan semula telah berjaya mengalahkan calon UMNO di bawah tiket PN dengan majoriti undi yang besar. Di Kelantan, nama besar seperti Ahmad Jazlan Yaakub dari UMNO berjaya dikalahkan oleh PN di Machang dengan majoriti melebihi 10 ribu undi. Di Pulau Pinang, Reezal Merican Naina Meerican dari UMNO dikalahkan oleh calon PN-PAS di Kepala Batas dengan majoriti sebanyak 2,867 undi. Tidak kurang juga di Permatang Pauh, calon PN-PAS berjaya menafikan kemenangan Nurul Izzah dari PKR dengan majoriti sebanyak 5,272 undi.

Manakala di Langkawi, Kedah, calon bagi Parti Pejuang Tanah Air (PEJUANG) iaitu bekas perdana menteri Mahathir Mohamad dikalahkan dengan teruk oleh PN sehingga kehilangan deposit. Nasib yang sama juga dialami oleh anak nya iaitu Mukhriz Mahathir di Jerlun, Kedah dengan hanya memperolehi sebanyak 3,144 undi. Di Wilayah Persekutuan Putrajaya, penyandang dari UMNO iaitu Tengku Adnan Tengku Mansor gagal untuk mengekalkan kerusi nya dan calon PN iaitu bekas menteri pendidikan Radzi Jidin merampas kerusi tersebut dengan majoriti sebanyak 2,310 undi. Di Melaka, bekas ketua penerangan UMNO iaitu Shahril Sufian Hamdan juga tidak bernasib baik apabila gagal

untuk merampas kerusi Alor Gajah dan ditewaskan oleh calon PH iaitu bekas ketua menteri Melaka Adly Zahari dengan majoriti tipis sebanyak 890 undi. BN-UMNO juga tidak bernasib baik di Selangor apabila gagal untuk mempertahankan kesemua kerusi yang ditandinginya. Calon terkenal dari UMNO seperti Khairy Jamaluddin gagal untuk merampas kerusi Sungai Buloh daripada calon PH dengan majoriti sebanyak 2,693 undi. Di Gombak dan Ampang pula, PH berjaya mengalahkan calon PN iaitu bekas ahli PKR Azmin Ali dan calon dari Parti Bangsa Malaysia (PBM), juga merupakan bekas ahli PKR iaitu Zuraida Kamaruddin. Kegagalan Azmin dan Zuraida itu adalah satu bentuk manifestasi jelas bahawa pengundi menolak mereka di atas dasar 'pengkhianatan' yang telah diolah sewaktu mereka terbabit dengan gerakan Langkah Sheraton pada 2020.

Di Bagan Datuk, Perak, presiden UMNO Ahmad Zahid memenangi kerusi tersebut dengan majoriti tipis sebanyak 348 undi dengan mengalahkan calon dari PH-PKR iaitu Shamsul Iskandar Mohd Akin. Di negeri yang sama, pengerusi PH iaitu Anwar Ibrahim mencatatkan kemenangan sebanyak 3,736 undi dengan menafikan kemenangan calon PN-BERSATU iaitu Ahmad Faizal Azumu di kerusi Tambun. Presiden BERSATU Muhyiddin Yassin juga berjaya mencatatkan kemenangan besar di kerusinya di Pagoh, Johor, dengan majoriti sebanyak 10,007 undi. Presiden MUDA juga bernasib baik di Muar apabila Syed Saddiq mengekalkan kerusi itu dengan majoriti sebanyak 1,345 undi. Selain itu, calon PH-PKR Maszlee Malik gagal untuk mempertahankan kerusi Simpang Renggam dan dikalahkan oleh calon UMNO iaitu bekas menteri besar Johor Hasni Mohammad dengan majoriti kurang dari dua ribu undi.

Jika dilihat keputusan PRU15 secara umum, PH berjaya mencatatkan perolehan sebanyak 82 kerusi tanpa perlu menghulurkan kerja sama politik dengan gabungan lain. Situasi mungkin akan berbeza jika BERSATU memilih untuk menyertai kem PH di dalam PRU15. Namun itu tidak berlaku. Gandingan BERSATU dan PAS ternyata membuahkan hasil yang positif. Jika dilihat dari konteks PRN Melaka dan Johor, gabungan itu mengalami kekalahan yang teruk di setiap kerusi yang ditandingi. Namun itu bukan satu penghujahan yang kukuh untuk menilai prestasi PN di dalam PRU15. Di antara parti politik, PAS merekodkan jumlah perolehan tertinggi iaitu sebanyak 49 kerusi dan diikuti dengan DAP dan PKR iaitu sebanyak 40 dan 31 dan BERSATU sebanyak 25 kerusi. Ini adalah satu pencapaian yang luar biasa bagi PN di mana mereka berjaya memecahkan status quo yang disandang oleh BN-UMNO semenjak sekian lama. Dihujahkan juga bahawa pencapaian ASP BERSATU dan PAS di dalam PRU15 ini mencerminkan sebahagian besar segmen pengundi Melayu yang dilihat tidak berpuas hati, khususnya kepada PH dan BN-UMNO.

Isu dan Strategi Kempen

Suasana berkempen pada PRU15 dilihat agak terbuka berbanding sewaktu PRU14 di mana konteks persaingan kepartian dibayangi oleh karakter autoritarianisme yang dilihat cenderung ke arah parti pemerintah. Arus globalisasi juga secara tidak langsung telah membuka pintu pemikiran dan melatih orang ramai untuk berfikir secara kritis dan kreatif. Dengan itu, orang ramai memanfaatkan sebaik mungkin perubahan yang berlaku di dalam konteks komunikasi yang semakin canggih dan tidak terbatas dengan garisan waktu dan sempadan. Segala isu politik yang berbangkit dapat diketahui dengan cepat dan dengan serta-merta orang ramai dapat menilai sama ada sesuatu isu itu berbaloi atau tidak untuk dibahaskan di dalam ruang media sosial. Ini menjadikan persaingan kepartian itu bertambah menarik untuk dianalisis dan diberikan pencerahan yang sewajarnya. Sewaktu tempoh berkempen PRU15, penulis berkesempatan untuk melawat dan memerhati tingkah laku parti yang bertanding di beberapa buah negeri seperti di Selangor, Negeri Sembilan, Pahang, dan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan Putrajaya. Walaupun secara rasminya tempoh berkempen itu bermula dua minggu sebelum hari pengundian tetapi sebahagian besar gabungan parti politik dilihat sudah

bersiap sedia dan menggerakkan jentera mereka. Pada September 2022, PKR menganjurkan ‘Rapat Mega KeADILan’ di Gombak, Selangor dan program itu bertujuan untuk menarik semula pengundi dan memberikan mereka pencerahan mengenai pentingnya untuk keluar mengundi pada kali ini. Di ceramah tersebut, turut hadir adalah presiden PKR Anwar Ibrahim dan beberapa pimpinan tertinggi seperti Rafizi Ramli, Fahmi Fadzil dan lain-lain lagi. Tujuan utama PKR di dalam PRU15 adalah untuk menumbangkan ‘pengkhianat’ yang terlibat dengan gerakan Langkah Sheraton pada Februari 2020 sehingga tumbangannya kerajaan Pakatan Harapan (PH) yang diterajui oleh Mahathir Mohamad ketika itu.

Dihujahkan bahawa Anwar memulakan rapat umum itu di lokasi parlimen Gombak di mana beliau menyatakan secara terbuka bahawa kesemua ahli PKR yang berpaling tadah akan dihukum di dalam pilihan raya. Malah nama besar seperti bekas ahli parlimen Gombak dan Ampang juga disebut oleh Anwar iaitu Azmin Ali dan Zuraida Kamaruddin. Mengadakan ceramah rapat umum seperti itu merupakan satu langkah strategik dan fokus yang tertumpu sepenuhnya kepada mereka yang digelar ‘pengkhianat’. PKR juga turut meletakkan calon gergasi seperti menteri besar Selangor iaitu Amirudin Shari bagi melawan Azmin Ali yang bertanding di bawah tiket PN dan ADUN Batu Tiga, Shah Alam iaitu Rodziah Ismail untuk berhadapan dengan calon PBM Zuraida Kamaruddin. Walaupun calon PH yang bertanding di Selangor berpotensi untuk menang namun mobilisasi sedemikian digerakkan dengan awal bertujuan untuk memperkenalkan kepada pengundi barisan baharu dan calon yang telah diputuskan oleh parti bagi menguatkan lagi identifikasi kepartian di kalangan pengundi. Disebabkan PKR adalah parti yang paling terkesan sewaktu Langkah Sheraton berbanding dengan parti-parti lain seperti DAP dan AMANAH, dan dengan itu mobilisasi jentera PKR dilihat agak kritikal dalam usaha untuk merampas kembali kerusi yang pernah dimenangi oleh parti itu.

PKR juga memperkuatkan barisan hadapan mereka di dalam PRU15 dengan meletakkan calon terkuat. Seperti contoh, di kerusi parlimen Bandar Tun Razak, bekas presiden PKR Wan Azizah dicalonkan untuk melawan bekas ahli PKR yang bertindak meninggalkan parti dan bertanding di atas tiket PN iaitu Kamarudin Jaffar. Di parlimen Port Dickson (Negeri Sembilan) pula, menteri besar Negeri Sembilan iaitu Aminudin Harun diletakkan sebagai calon PKR untuk berhadapan dengan bekas menteri pendidikan dari BN-MIC iaitu P. Kamalanathan. Tidak ketinggalan juga di mana pengerusi PH Anwar Ibrahim juga berhadapan dengan calon dari PN-BERSATU iaitu Ahmad Faizal Azumu di kerusi parlimen Tambun (Perak). Sewaktu penulis berada di lokasi ceramah mega PH yang diadakan di Sungai Merab, Sepang, Selangor, penulis telah didedahkan bahawa idea untuk meletakkan Anwar di Tambun itu telah dirancang lebih awal dan malah jentera PH sendiri telah melakukan kajian awal di kawasan tersebut untuk melihat sentimen penerimaan pengundi ke atas Anwar dan setelah mereka yakin dengan keputusan tersebut maka Anwar diletakkan untuk bertanding di situ.¹¹ Walaupun tindakan tersebut merupakan tindakan ‘berani mati’ namun ia selari dengan tujuan asal yang telah ditetapkan oleh kepartian iaitu untuk memberikan pengajaran kepada mereka yang berpaling tadah. Corak berkempen PH tertumpu kepada faktor ‘calon’ di mana sebahagian besar calon lama yang diyakini boleh menang akan dikekalkan dan beberapa calon muka baharu akan diperkenalkan. Seperti di parlimen Bangi (Selangor), penyandang kerusi itu Ong Kian Ming dari PH-DAP memberikan laluan kepada muka baharu iaitu seorang peguam muda Syahredzan Johan. DAP juga berhujah bahawa mereka akan menggerakkan strategi mereka dengan meletakkan seberapa ramai calon Melayu di dalam PRU15. Ini boleh dilihat apabila calon Melayu seperti Young Syefura diletakkan di Bentong (Pahang), Syerleena Abdul Rashid di Bukit Bendera (Pulau Pinang) dan Sheikh Umar Bagharib Ali di Ayer Hitam (Johor).¹² Idea di sebalik peletakan itu adalah untuk menangkis imej orang ramai berkenaan dengan persepsi yang sering dikaitkan bahawa DAP itu merupakan parti anti-Melayu dan Islam. Jadi mobilisasi seperti ini diolah bagi untuk memecahkan tembok politik etnisiti dan juga sebagai salah satu cara untuk menarik undi Melayu.

Secara umumnya jentera PH pada kali ini diketuai oleh pengerusi gabungan itu sendiri iaitu Anwar Ibrahim. Berbanding sebelum ini di dalam PRU14 di mana Mahathir Mohamad diberikan kepercayaan oleh PH untuk menerajukannya sehingga berjaya menumbangkan BN. Jadi di dalam PRU15 ini, diujahkan bahawa faktor Anwar itu memainkan peranan yang penting dan tersendiri di mana gerak kerja jentera dan corak berkempen dilihat begitu tersusun dan sistematik. Sewaktu tempoh berkempen, Anwar bergerak dari satu lokasi ke lokasi untuk menyampaikan ceramah politiknya. Hampir seluruh negeri di semenanjung dan juga Sabah dan Sarawak telah dilawati oleh pengerusi PH tersebut. Sewaktu penulis berada di parlimen Tampin (Negeri Sembilan), penulis mendapati sambutan yang diterima oleh Anwar sewaktu ceramah diadakan sangat menggalakkan dan jumlah yang hadir pada ketika itu hampir mencecah ribuan. Malah penulis juga telah didedahkan mengenai beberapa maklumat oleh salah seorang jentera PKR yang berada ketika itu di mana beliau menyatakan bahawa sebelum seseorang calon turun untuk berkempen di sesuatu lokasi maka ahli jentera akan melakukan kajian dan survei ringkas mengenai penerimaan pengundi kepada calon yang bertanding. Sewaktu tempoh berkempen, PH mendapati bahawa sentimen pengundi ke atas PH semakin meningkat dan begitu juga dengan PN, manakala BN didapati menurun. Tambahnya lagi, disebabkan oleh peningkatan yang signifikan ini maka Anwar beralih kepada taktik baharu iaitu dengan menyasarkan ceramahnya kepada PN terutama sekali PAS dan lokasi ceramah mega yang diadakan oleh PH adalah bergantung kepada survei dalaman yang dilakukan oleh jentera parti.¹³

Di peringkat Perikatan Nasional (PN) pula, walaupun PRU15 ini merupakan percubaan pertama mereka sebagai gabungan baharu namun corak mobilisasi mereka dilihat agak berbeza dengan parti-parti yang lain. Walaupun PN juga tidak ketinggalan menggunakan pendekatan konvensional iaitu seperti ceramah politik di kawasan terbuka namun isi kandungan ceramah parti itu menjadikannya 'kontroversi'. Selain itu, tinjauan yang dilakukan oleh badan penyelidik bebas seperti Merdeka Center mendapati bahawa populariti pengerusi PN iaitu Muhyiddin Yassin lebih terkehadapan daripada pemimpin-pemimpin yang lain dan popular di kalangan pengundi iaitu sekitar 51 peratus. Ini memberikan satu kelebihan awal dan rangsangan moral kepada PN untuk menggerakkan jentera mereka dan malah tidak hairan jika PN berupaya meningkatkan bilangan undi mereka dengan mendadak sehingga berjaya mengatasi BN.

Secara umumnya, di dalam kebanyakan ceramah dan kenyataan yang dikeluarkan oleh PN, diujahkan bahawa mereka menggunakan pendekatan serangan politik seperti isu perkauman dan juga agama. Di atas dasar dan pendekatan seperti ini, mereka bergantung harap terutamanya kepada pengundi Melayu untuk memilih mereka sebagai alternatif yang boleh menggantikan BN-UMNO. Tidak dikecualikan juga mereka menyasarkan serangan mereka kepada Anwar di mana timbalan presiden BERSATU Ahmad Faizal Azumu mempersoalkan isu dana dan peruntukan bumiputera sebanyak RM400 juta telah dipotong sewaktu di bawah pentadbiran PH sebelum ini.¹⁴ Dengan membangkitkan isu seperti ini, Ahmad Faizal mengaitkannya dengan portfolio menteri kewangan yang pernah disandang oleh Lim Guan Eng dari DAP. Dengan ini seolah-olah orang ramai akan melihat bahawa PH terutamanya DAP menanam sikap anti-Melayu. Di parlimen Tambun, PN memperhebatkan lagi serangan mereka terhadap Anwar dengan menaikkan sepanduk dan poster-poster yang bersaiz besar di beberapa lokasi yang strategik. PN juga tidak tercicir dalam usaha untuk memanfaatkan penggunaan media sosial seperti TikTok iaitu dengan memuatkan satu video pendek dan mesej ringkas mengenai serangan mereka dan diedarkan kepada pengguna media sosial yang lain. PAS juga tidak ketinggalan menggunakan pendekatan yang berteraskan 'Islam' untuk menggerakkan jentera mereka di dalam PRU15. Presiden PAS Abdul Hadi Awang berhujah bahawa jika terdapat mana-mana ahli yang khianat kepada parti PAS maka mereka akan dilaknat oleh Allah s.w.t. Kenyataan sebegini barangkali bukan lah sesuatu yang baharu terutama sekali di dalam konteks politik PAS dan ia dilihat sebagai sesuatu yang akan 'mengikat' ahli-ahli mereka daripada berpaling tadah dengan

mengaitkannya dengan Islam dan calon PN-PAS di Ketereh (Kelantan) juga mendakwa bahawa beliau adalah 'calon daripada Allah swt'. Pesuruhjaya PAS Perak Razman Zakaria juga menyatakan bahawa tidak sama sekali memberikan undi kepada PH dan berhujah bahawa Anwar membawa masuk agenda Lesbian, Gay, Bisexual, dan Transgender (LGBT) ke dalam negara ini dan juga akan menghalalkan perkahwinan sejenis jika PH diberikan mandat untuk memerintah.¹⁵ Ini menimbulkan pelbagai reaksi yang kritikal di kalangan pemimpin PH di mana mereka membuat laporan polis ke atas kenyataan yang dikeluarkan oleh pesuruhjaya PAS itu. Memeranjatkan lagi, Razman yang juga bertanding di parlimen Gunung Semanggol (Perak) berjaya mengalahkan pencabarnya dari BN dan PH dengan majoriti sebanyak 7,466 undi.

PN juga memperhebatkan serangan mereka ke atas PH dan BN di mana Abdul Hadi mengedarkan beberapa poster di laman sosial media beliau seperti Twitter berkenaan dengan perkaitan di antara Komunis dan DAP dan menyuruh agar pengundi menolak parti yang berideologikan Komunisme. Usaha seperti itu dilihat untuk meningkatkan lagi sentimen pengundi Melayu agar kekal konsisten menentang perjuangan PH terutama sekali DAP yang dianggap sebagai pro-Komunisme. Dengan menggunakan modal politik seperti ini, setidak-tidaknya sebahagian besar pengundi Melayu akan terkesan di dalam pemikiran mereka dan akan memilih parti berasaskan Melayu dan Islam. Jika PH dilabelkan sebagai pro-Komunis oleh PN, manakala BN dianggap sebagai parti yang sarat dengan rasuah. Serangan moral sebegini memberikan tentangan yang hebat kepada pesaing-peasing utama. Di saat akhir minggu berkempen, calon perdana menteri dari PN Muhyiddin Yassin mendakwa di dalam ceramah beliau bahawa terdapat perkaitan di antara PH dan kumpulan Yahudi dan Kristian yang berusaha untuk mengambil alih negara ini.¹⁶ Ucapan beliau itu juga telah dikongsi oleh pengguna TikTok dan telah ditonton sebanyak 605,800 kali. Strategi berbentuk ini dilihat sama seperti apa yang telah digunakan oleh UMNO dan PAS sewaktu pasca-PRU14 di mana ia disasarkan secara khusus kepada orang Melayu yang dilihat seolah-olah tertipu apabila telah mengundi PH di dalam PRU14.

Persaingan kepartian di dalam PRU15 dilihat semakin sengit di antara PH dan PN. Manakala mobilisasi jentera pilihan raya BN pula dihujahkan seperti tidak teratur dan berpecah. Menurut pemerhatian penulis di beberapa lokasi ceramah BN, tidak ramai yang hadir seperti mana yang berlaku di dalam ceramah PH. Corak berkempen BN pada kali ini tidak mendapat perhatian yang begitu menggalakkan daripada orang ramai. Tambahan pula terdapat beberapa isu berbangkit yang melibatkan perkelahian dalaman yang pada akhirnya tidak menguntungkan BN sendiri. Jika di dalam PRU14 BN-UMNO mampu untuk mengukuhkan kedudukan mereka melalui politik pembangunan yang berteraskan modal dan sebagainya namun pada kali ini ternyata mereka memasuki gelanggang pilihan raya di dalam keadaan yang tidak bersedia. Malah terdapat gabungan seperti PN yang dilihat lunak untuk menyimpulkan ideologi perjuangan mereka yang berteraskan Melayu Islam dan ini menjadikan populariti BN semakin tenggelam. BN memulakan langkah awal mereka dengan menampilkan sebanyak 70 peratus muka baharu sebagai calon di dalam PRU15. Keputusan tersebut secara tidak langsung menjadikan BN selangkah ke belakang. Isu mengenai calon ini akhirnya meletup di dalam UMNO apabila penyandang kerusi parlimen Arau (Perlis) iaitu Shahidan Kassim tidak lagi diumumkan sebagai calon dan akibat daripada itu, berlaku protes dalaman di mana bilik gerakan di Arau telah ditutup dan bendera parti diturunkan serta-merta. Nasib yang sama juga menimpa penyandang kerusi Padang Besar (Perlis) iaitu Zahidi Zainul Abidin apabila beliau digantikan oleh calon 'luar' iaitu Zahida Zarik Khan. Bezanya adalah Shahidan berjaya merampas kerusi Arau di bawah tiket PN manakala Zahidi gagal untuk mempertahankan kerusinya di bawah tiket bebas. Krisis sabotaj yang sama juga dilaporkan berlaku di parlimen Jempol (Negeri Sembilan) apabila pucuk pimpinan UMNO di kawasan itu mendakwa bahawa sebahagian besar pusat daerah mengundi (PDM) telah ditutup akibat penyandang kerusi itu tidak dipilih semula. Selain itu, bekas menteri kesihatan Khairy Jamaluddin juga tidak berpeluang mempertahankan kubu kuatnya di parlimen Rembau

(Negeri Sembilan) dan beliau seolah-olah diletakkan untuk bertanding di parlimen Sungai Buloh (Selangor) yang sinonim dengan kubu kuat PH. Gesaan Ahmad Zahid bahawa PRU15 ini merupakan medan untuk menyingkirkan pengkhianat parti menguatkan lagi andaian bahawa presiden UMNO itu tidak sehaluan dengan penyandang kerusi yang tidak dicalonkan semula.

Mobilisasi BN pada kali kurang menyerlah dan hasil daripada pemerhatian penulis di lapangan dapat disimpulkan bahawa ia dilihat 'malap' dan tidak mencengkam seperti sebelum ini. Selain daripada pendekatan politik pembangunan yang menjanjikan pelbagai jenis inisiatif berbentuk material namun ia masih tidak cukup teguh untuk menawan hati pengundi dalam kerangka yang lebih inklusif.

Faktor-Faktor Perubahan Pola Sokongan Pengundi Melayu Dari BN ke PN

Keputusan PRU15 memberikan isyarat yang jelas kepada parti-parti yang bertanding bahawa trend pengundian itu sebenarnya sudah melangkaui ketetapan status quo terutama sekali bagi BN. Kerana sebahagian besar daripada trend pengundian ini melibatkan undi Melayu sebagai blok yang terbesar. Kemunculan PN sebagai pemenang kedua selepas PH dari segi kerusi yang dimenangi mewujudkan satu andaian yang kuat bahawa BN terutama sekali UMNO berjaya digugat kedudukannya. Sebahagian besar kerusi yang dimenangi oleh PN adalah kerusi majoriti pengundi Melayu. Daripada kesemua kerusi ini, sebahagiannya merupakan kerusi tradisi milik BN dan ia berjaya dirampas oleh PN. Malah prestasi pilihan raya yang dipamerkan oleh PN dalam PRU15 kali ini begitu tidak dijangkakan. Jika di dalam PRU14, pertandingan melibatkan tiga penjuror memberikan kelebihan kepada PH sehingga berjaya menafikan prestasi BN dan PAS. Tetapi di dalam pilihan raya kali ini, saingan tiga penjuror ini tidak menguntungkan mana-mana blok.

Seperti yang diujahkan oleh naib presiden UMNO Mahdzir Khalid bahawa saingan melebihi dua penjuror ini akan memberikan kelebihan kepada BN namun senario pasca-autoritarian ternyata berbeza sama sekali. Pengujahan tersebut tidak membuktikan keabsahan BN dan malah ia semakin merudum. Kemerosotan prestasi BN pada kali ini menggambarkan bahawa terdapat peralihan undi yang sangat signifikan terutamanya pengundi Melayu di mana mereka mula mengabaikan BN dan diujahkan bahawa ia memilih PN sebagai alternatif baharu di dalam PRU15. Oleh itu, persoalan kritikal yang ingin dijawab di dalam kajian ini adalah apakah faktor-faktor yang mendorong perubahan pola sokongan pengundi Melayu daripada BN ke PN? Walaupun dilihat sebagai gabungan setahun jagung namun barisan kepimpinan di dalam PN merupakan bekas figura elit yang pernah menganggotai UMNO dan ini melayakkannya diujahkan sebagai parti pengganti autoritarian (ASP) terutama sekali BERSATU. Dari aspek ideologi pemikiran dan struktur kepartian, BERSATU dan UMNO tidak mencatatkan perbezaan yang ketara. Kedua-duanya mendukung ideologi Melayu yang sama dan dibarisi oleh figura yang berpengalaman sebagai sebuah kerajaan dan di dalam pentadbiran. Tetapi dengan hanya tempoh satu hari pengundian sahaja, BN-UMNO telah berjaya diketepikan oleh pengundi yang cenderung kepada PN. Ini memberikan signal yang jelas berkenaan dengan masa depan undi Melayu ini kerana pada waktu yang tertentu ia boleh berubah dan bersifat dinamik. Malah kita juga sedia maklum bahawa persaingan rapat di antara BERSATU dan UMNO hanya tertumpu kepada pengundi Melayu yang rata-rata nya bertapak di luar bandar. Dan ini memberikan sedikit kelebihan kepada PH untuk mencatatkan prestasi yang baik di sebahagian besar kerusi campuran yang didominasi oleh pengundi bukan Melayu.

Walaupun UMNO dilihat menguasai PRN Melaka yang diadakan pada November 2021 namun realiti sebenar ternyata berbeza. Parti Melayu itu mencatatkan prestasi yang baik di saat kadar keluar mengundi cuma hanya sekitar 66 peratus. Faktor seperti pandemik Covid-19 juga besar kemungkinan menghalang pengundi untuk keluar mengundi ketika itu. Di dalam satu analisa yang

dikeluarkan oleh saintis politik iaitu Bridget Welsh di mana kejayaan UMNO di dalam PRN Melaka tidak menggambarkan keadaan sebenar dan BERSATU, walaupun tidak berjaya meraih kerusi yang banyak, namun sokongan ke atas parti itu dilihat meningkat kepada 15 peratus terutamanya dalam konteks pengundi Melayu.¹⁷ Melalui jenama Perikatan Nasional (PN), gabungan itu mula mempromosikan gabungan mereka dengan secara perlahan-lahan menembusi kubu kuat UMNO. Ini menjelaskan dengan lebih terbuka bagaimana BN-UMNO kelihatan gagal untuk memenangi sebarang kerusi parlimen di Melaka di dalam PRU15 walaupun berjaya meraih kedudukan dua-pertiga sewaktu PRN Melaka. Kejayaan calon PN-PAS merampas kerusi parlimen Jasin daripada BN juga menguatkan lagi penghujahan bahawa terdapatnya peralihan sokongan kerana kerusi kategori luar bandar itu sememangnya hampir mustahil untuk bertukar tangan tetapi ia tetap berlaku.

Selain itu, melalui pemerhatian dan perbualan penulis bersama pengundi di beberapa lokasi berhujah bahawa pengundi Melayu memilih PN kerana gabungan itu mempunyai karakter politik yang khusus yang tidak terdapat sama ada di dalam BN mahupun PH. Pernah juga penulis didedahkan bahawa seseorang pengundi ini yang merupakan penyokong PH di dalam PRU14 telah beralih sokongan kepada PN¹⁸ kerana gabungan parti itu dipercayai mampu untuk berdiri sebagai satu simbol kestabilan dan bersih dari sudut salah laku dan komited untuk memperkasakan agenda Melayu dan Islam. Malah ketidakpuasan hati pengundi terhadap prestasi jentera pentadbiran PH pada pasca-PRU14 juga turut dipersoalkan dan dijadikan sebagai justifikasi utama mereka untuk menyatakan sokongan ke atas PN. Selain itu, kombinasi wadah perjuangan yang berbeza juga menjadikan PN ini sebagai alternatif pengundi. Seperti contoh, pemerksaan Melayu menjadi fokus utama BERSATU dan Islam kekal konsisten sebagai tulang belakang perjuangan PAS.

Di antara faktor yang jelas dan menampakkan lagi peralihan sokongan daripada BN ke PN adalah isu dalaman UMNO itu sendiri. Rata-rata perbualan penulis bersama pengundi di beberapa lokasi yang berlainan memperlihatkan ketidakpuasan hati mereka terhadap UMNO terutama sekali berkenaan dengan gaya kepimpinan presiden Ahmad Zahid yang dilihat tidak disukai ramai dan cara beliau mengolah kuasa. Di bawah kepimpinan beliau juga BN-UMNO mencatatkan prestasi yang tidak bagus dan tidak ternampak apa-apa tanda yang substantif bahawa UMNO akan kembali berubah dan disenangi oleh orang ramai. Seperti yang didendangkan oleh PN dan PH bahawa UMNO adalah parti yang sinonim dengan gejala rasuah namun gesaan itu dikuatkan lagi dengan pembabitan Ahmad Zahid dengan beberapa kes rasuah dan salah laku yang sedang dibicarakan di mahkamah. Ini memberikan satu tanggapan yang negatif kepada UMNO. Jika UMNO dilorongan jalan keluar oleh kerana isu-isu berbangkit seperti ini di dalam PRU14 maka tidak hairan jika parti itu dilorongan jalan keluar sekali lagi di dalam PRU15 di atas alasan yang sama. Dari sudut yang lain, walaupun terdapat juga sebahagian besar pengundi Melayu yang menolak PH namun ia adalah di atas sikap kekecewaan mereka ke atas ketetapan dasar yang dilihat tidak selari dengan tuntutan majoriti pengundi Melayu sehinggakan mereka berpendapat bahawa jika PH kembali berkuasa maka DAP akan mula mengawal dan menggugat hak dan keistimewaan orang Melayu dan Islam.

Hal ini adalah satu bonus besar kepada PN kerana gabungan itu dilihat mewakili segmen dan populasi Melayu yang kecewa terhadap PH dan BN. Setakat berlangsungnya PRU15 itu, tidak terdapat seorang pun di kalangan ahli PN sama ada dari BERSATU atau PAS yang sedang didakwa di mahkamah atas kesalahan salah laku ataupun penyelewengan kuasa. Tetapi apa yang berlaku di dalam BN dan PH adalah di sebaliknya di mana terdapat ramai pemimpin kanan yang sedang menghadapi pertuduhan di atas kesalahan seperti rasuah dan sebagainya. Ini secara tidak langsung mewujudkan satu persepsi bahawa PN sebagai alternatif politik bersih itu memang tidak dapat disangkal. Melalui strategi penyampaian mesej di laman media sosial seperti di TikTok, Twitter, Facebook, dan sebagainya telah berjaya menanam minat di kalangan pengundi, termasuk pengundi pertama kali, untuk menjadikan PN sebagai sandaran kepada institusi Melayu Islam.

Tidak dapat disangkal juga bahawa pengerusi PN iaitu Muhyiddin Yassin memainkan peranannya yang tersendiri khususnya sewaktu tempoh pandemik Covid-19. Dihujahkan bahawa terdapatnya karakter autoritarianisme di dalam pemerintahan beliau selaku perdana menteri ke-8 namun apa yang dilakukan dan diberikan oleh beliau menjadikan ia satu memori rejim yang dikenali sebagai nostalgia autoritarian. Di saat negara sedang dihipit oleh pandemik, Muhyiddin memposisikan dirinya sebagai seorang 'abah' yang pemurah dengan mengumumkan bantuan kewangan berjumlah berbilion ringgit, bantuan berbentuk geran kepada peniaga-peniaga yang terkesan, bantuan kewangan secara *one-off* kepada orang ramai, bantuan elaun bulanan kepada petugas barisan hadapan dan lain-lain lagi. Ini dijadikan sebagai satu kekuatan kepada PN itu sendiri walaupun skala politik sewaktu tempoh pandemik itu dikekang namun bukan itu yang dijadikan ukuran utama kerana sentimen rakyat ketika itu adalah kelangsungan hidup dan jika terdapat mana-mana gabungan parti yang menghulurkan bantuan di dalam keadaan fiskal yang sebesar itu maka tidak hairan bahawa kesetiaan dan sokongan itu akan terbentuk dengan sendirinya.

Malah jika hendak meletakkan sepenuhnya ke atas faktor tsunami hijau juga mungkin agak keterlaluan di dalam konteks kajian ini. Jika berbicara mengenai parameter sokongan di bahagian pantai timur seperti di Kelantan dan Terengganu, memang tidak mustahil bahawa tsunami hijau atau kebangkitan PAS itu terjadi dan membantu untuk memenangkan calon BERSATU di kawasan kubu kuat PAS. Tetapi dari sudut yang lain, kejatuhan UMNO dan peralihan pengundi Melayu itu juga boleh dihujahkan berpunca daripada perpecahan dalaman UMNO itu sendiri di mana pada akhirnya akan memberikan laluan kepada undi protes, sama ada oleh pengundi setia ataupun ahli parti yang merasakan diri mereka sudah tidak dihargai lagi. Tidak mustahil juga bahawa terdapat segmen yang beralih sokongan kepada PN kerana mereka tidak mempercayai dengan kepimpinan Ahmad Zahid di dalam UMNO. Apabila BN gagal untuk menjenamakan parti mereka semula di mata rakyat maka keputusan akan dibuat, di dalam konteks pengundi Melayu, dengan mengeneipkan PH dan memangkah PN.

Kesimpulan

Kajian ini menyimpulkan bahawa kebangkitan PN, khususnya BERSATU sebagai ASP mula memposisikan diri mereka sebagai daya politik baharu yang kental. Kejayaan PN menguasai dan merampas kerusi BN-UMNO di dalam PRU15 menjadikan gabungan itu semakin relevan di dalam pemikiran orang ramai, khususnya sebahagian besar pengundi Melayu. Dan ini menjarakkan lebih jauh lagi keberadaan pengundi Melayu itu dan UMNO sendiri. Walaubagaimanapun keputusan PRU15 yang telah mengakibatkan negara tidak berkerajaan selama beberapa hari telah memecahkan kebuntuan apabila BN-UMNO dan PH bersetuju sebulat suara untuk membentuk kerajaan perpaduan dengan pengerusi PH Anwar Ibrahim dilantik sebagai perdana menteri ke-10. Ini sekaligus memposisikan PN sebagai pembangkang di dalam parlimen kerana kerjasama politik yang cuba diolah oleh gabungan itu dengan BN untuk membentuk kerajaan tidak berjaya di atas andaian bahawa BN tidak akan kembali menjadi dominan jika mereka mentadbir bersama PN. Jadi jalan yang paling baik, seperti yang disarankan oleh YDPA, adalah dengan membentuk kerajaan perpaduan dengan PH. Di atas kerjasama ini maka terbentuklah sebuah rejim hibrid baharu yang dibarisi oleh pelbagai latar belakang kepartian. Manakala PN kekal sebagai pembangkang yang didominasi oleh ahli parlimen Melayu Islam. Di sudut kerajaan perpaduan pula, BN diberikan beberapa portfolio yang penting di dalam kabinet dan Ahmad Zahid dilantik sebagai timbalan perdana menteri. Kebolehmampuan rejim baharu ini untuk kekal berkuasa sehingga pilihan raya umum akan datang masih lagi terlalu awal untuk disimpulkan. Walaubagaimanapun, pembentukan kerajaan perpaduan seperti ini tidak mempunyai duluan di dalam sejarah politik Malaysia dan kedinamikan ini bergantung kepada prestasi semasa

yang dipamerkan oleh setiap parti di dalam gabungan. Malah keberadaan BN di dalam pembentukan kerajaan ini adalah di saat parti itu di ambang perpecahan akibat daripada kekalahan mereka dan peralihan undi Melayu yang signifikan kepada PN. Ini menjadikan PH dan BN itu saling memerlukan di antara satu sama lain untuk mengekalkan momentum sedia ada dan memperbaiki imej mereka di mata pengundi Melayu. Walau apa sekali pun justifikasi kerjasama yang ditegakkan, ia hanya boleh beroperasi dengan efektif jika PH dan BN dapat menyelesaikan perbezaan ideologi politik mereka dengan harmoni.

Penghargaan

Sebahagian daripada penyelidikan ini dibiayai oleh Skim Geran Penyelidikan Fundamental [FRGS/1/2020/SS0/UKM/02/3], Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia.

Nota

- ¹ Lihat Carothers, “The End of the Transition Paradigm”, 2002, hlm. 5-21.
- ² Lihat Loxton dan Power, “Introducing Authoritarian Diaspora”, 2021.
- ³ Lihat Loxton, “Authoritarian Successor Parties”, 2015, hlm. 157-170.
- ⁴ Lihat Nadzri, “In the Name of Covid-19: Democratic Reversal and the Return of Authoritarian Malaysia under Muhyiddin’s Perikatan Nasional”, 2022, hlm. 107-133.
- ⁵ Ibid., hlm. 116.
- ⁶ Manifesto Pakatan Harapan, *Kita Boleh, Tawaran Harapan PRU15*, 2022, hlm. 1-98.
- ⁷ Suzalina Halid, PRU15: Manifesto PH Kali Ini Adalah Kitab Suci, 2022.
- ⁸ Manifesto Perikatan Nasional, *PN Best: Prihatin, Bersih, dan Stabil*, 2022, hlm. 1-99.
- ⁹ Manifesto Barisan Nasional, *Kestabilan dan Kemakmuran: Perancangan Amal dan Usaha* (PADU), 2022, hlm. 1-48.
- ¹⁰ “Sorotan 24 Kerusi Panas PRU15”, *Malaysiakini*, 5 November 2022. <https://www.malaysiakini.com/news/642727> [1 Mac 2023].
- ¹¹ Hasil perbualan penulis bersama jentera PH di Sungai Merab, Sepang, Selangor, 17 November 2022.
- ¹² Tong, G. dan L.C. Chyuan, Loke: DAP Mahu Jadikan PRU15 Detik Ubah Persepsi Melayu, 2022.
- ¹³ Hasil perbualan penulis bersama jentera PH di Parlimen Tampin, Negeri Sembilan, 7 November 2022.
- ¹⁴ “Kenapa Anwar Membisu Isu Dana RM400 Juta Melayu Kena Potong”, *Malaysiakini*, 1 November 2022. <https://www.malaysiakini.com/news/641902> [21 Mei 2023].
- ¹⁵ Leong, I, Razman Dakwa Anwar Bawa Agenda LGBT, Bimbang Kerjasama PH-BN, 2022.
- ¹⁶ “Muhyiddin Kaitkan PH Dengan Agenda Yahudi, Kristian”, *Malaysiakini*, 18 November 2022. <https://www.malaysiakini.com/news/644749> [1 Mac 2023].
- ¹⁷ Welsh, B. “Comment: Malacca Polls: Preliminary Look at the Results”, *Malaysiakini*, 21 November 2021. <https://www.malaysiakini.com/columns/600120> [2 Mac 2023].
- ¹⁸ Hasil perbualan penulis bersama pengundi di Parlimen Rasah, Negeri Sembilan, 5 November 2022.

Rujukan

- Carothers, T. 2002. “The End of the Transition Paradigm”, *Journal of Democracy*, 13 (1), 5-21.
- Daubler, T. 2012. “The Preparation and Use of Election Manifestos: Learning from the Irish Case”, *Irish Political Studies*, 27 (1), 51-70.
- Leong, I. Razman Dakwa Anwar Bawa Agenda LGBT, Bimbang Kerjasama PH-BN. *Malaysiakini*, 6 November 2022. <https://www.malaysiakini.com/news/642861> [1 Mac 2023].

- Loxton, J. 2015. "Authoritarian Successor Parties", *Journal of Democracy*, 26 (3), 157-170.
- Loxton, J. dan Power, T. 2021. "Introducing Authoritarian Diaspora: Causes and Consequences of Authoritarian Elite Dispersion", *Democratization*, 28 (3), 465-483.
- Muhamad M.N. Nadzri. 2022. "In the Name of Covid-19: Democratic Reversal and the Return of Authoritarian Malaysia under Muhyiddin's Perikatan Nasional", *Intellectual Discourse*, 30 (1), 107-133.
- Ostwald, K. dan Muhamad M. N. Nadzri. 2022. "Malaysia in 2022: Election Year, Islamization and Politics of Compromise", *Asian Survey*, 63 (2), 291-300.
- Suzalina Halid. 2022. PRU15: Manifesto PH Kali Ini Adalah Kitab Suci. *Berita Harian*, 30 Oktober. <https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2022/10/1018387/pru15-manifesto-ph-kali-ini-adalah-kitab-suci> [1 Mac 2023].
- Tong, G. dan Chyuan L.C. 2022. Loke: DAP Mahu Jadikan PRU15 Detik Ubah Persepsi Melayu. *Malaysiakini*, 28 Oktober. <https://www.malaysiakini.com/news/641459> [1 Mac 2023].